

Prosa Tradisional : Pelanduk Mengajar Memerang

Lengkapkan Sinopsis Pelanduk Mengajar Memerang

Pada zaman Nabi Sulaiman, semua binatang boleh bercakap seperti manusia. Nabi Sulaiman pula mempunyai lima Perdana Menteri tetapi pelanduk yang digelar sebagai _____ ialah yang paling terkenal.

Pada suatu hari, Syah Alam di Rimba meninjau kawasan pemerintahannya dan menemui lubang tempat tinggal memerang. Anak-anak memerang yang sebanyak _____ ekor sedang bermain-main di sekitar lubang tersebut. Syah Alam di Rimba menghampiri mereka lalu bertanyakan ibu bapa mereka. Anak memerang itu memberitahu Syah Alam di Rimba bahawa ibu bapanya pergi mencari _____ untuk dijadikan makanan mereka.

Syah Alam di Rimba berasa runsing(risau) kerana ikan-ikan pernah mengadu kepada Nabi Sulaiman bahawa memerang menganiaya mereka. Pada waktu itu, ditakdirkan Allah burung bubut berbunyi dengan bersahut-sahutan dan Syah Alam di Rimba lalu _____ dan memijak anak-anak memerang. Anak-anak memerang itu mengalami kecederaan parah, lalu mati kesemuanya.

Setelah hari menjelang petang, pasangan suami isteri memerang pulang dan mendapati anak-anak mereka sudah mati. Hanya _____ Syah Alam di Rimba sahaja yang ditemukan di sekitar kawasan itu. Ibu memerang menangis kerana terlalu sedih. Pada malam itu, pasangan memerang itu berbincang untuk bertemu dengan Nabi Sulaiman pada keesokan harinya bagi memaklumkan perkara tersebut.

Keesokan harinya selepas makan, pasangan memerang itu pun pergi untuk berjumpa dengan Nabi Sulaiman. Pasangan memerang itu pun menceritakan perihal diri mereka yang dianiaya Perdana Menteri Syah Alam di Rimba. Baginda memerintahkan supaya _____ memanggil Syah Alam di lalu perintah itu disampaikan dengan segera.

Setelah Syah Alam di Rimba datang menghadap, Nabi Sulaiman bertanyakan kebenaran aduan pasangan memerang itu serta sebab berbuat demikian. Syah Alam di Rimba segera memohon ampun kepada Nabi Sulaiman dan menceritakan hal yang sebenar. Ketika dia berjumpa dengan anak-anak memerang itu, dia terdengar _____ bersiul dengan bersahut-sahutan dan memalu gendang perang dengan kuat. Dia menyangka bahawa paluan itu ialah isyarat kedatangan musuh lalu membuka silat dan tanpa sedar dia telah mencederakan anak-anak memerang.

Selepas mendengar penjelasan Syah Alam di Rimba, Nabi Sulaiman memerintahkan unggas belatuk supaya memanggil Sang Bubut . Sang Bubut memberi alasan bahawa dia ternampak

_____ berlari-lari dengan membawa pedang yang telah tercabut. Dia menyangka bahawa ada musuh yang hendak menyerang Nabi Sulaiman lalu Bubut memalu gendang dengan sekuat hatinya supaya dapat didengar oleh para hulubalang.

Kemudian, Nabi Sulaiman memerintahkan unggas belatuk supaya memanggil Sang Biawak. Apabila Sang Biawak datang, baginda bertanya kebenaran dakwaan Sang Bubut. Sang Biawak menyatakan bahawa dia membawa pedang tanpa sarung kerana dia terlihat _____ membawa perisai. Pada sangkaannya, ada musuh yang hendak menyerang baginda.

Setelah itu, Sang Labi-labi pula dititahkan untuk menghadap Nabi Sulaiman. Sang Labi-labi mendakwa bahawa dia berbuat demikian setelah melihat _____ membawa tombak bercanggah. Dia juga menyangka bahawa ada musuh besar yang datang menyerang. Setelah ditanya, Sang Udang memberi alasan bahawa dia ternampak _____ berikat pinggang seolah-olah berhadapan dengan masalah yang besar. Dia menyangka bahawa masalah itu berkaitan dengan musuh yang hendak menyerang Nabi Sulaiman.

Nabi Sulaiman menitahkan pula unggas belatuk memanggil Sang Sebarau. Setelah Sang Sebarau datang menghadap, baginda bertanyakan sebab Sang Sebarau berikat pinggang ;sehingga melengkung seperti orang dalam kesusahan. Menurut Sang Sebarau, _____ telah menganiaya kaumnya dan memakan anggota keluarga serta kaum kerabatnya sehingga yang tinggal hanyalah dirinya seekor saja. Sang Sebarau berasa sangat sedih dengan keadaannya itu dan memohon agar Nabi Sulaiman berlaku adil dengan menjatuhkan hukuman kepada Sang Memerang.

Setelah mendengar penjelasan Sang Sebarau itu, baginda berasa sangat murka terhadap Sang Memerang suami isteri. Sang Memerang memohon ampun dan mengakui akan kesalahan mereka itu. Nabi Sulaiman menyatakan bahawa tindakan Syah Alam di Rimba itu memang wajar bagi menebus nyawa anak-anak dan kaum keluarga Sang Sebarau yang telah dimakan oleh Sang Memerang